

02/05/2001

Pelajar buta pintar gagal masuk universiti

Ihsan Noorzali

ALOR STAR, Selasa - Seorang pelajar buta, Nabil Mahathir, bukan saja hafal al-Quran, malah sudah memiliki Diploma Bahasa Arab dan Tahfiz al-Quran dari Universiti Antarabangsa Khartoum, Sudan, pada usia 14 tahun.

Beliau juga membuktikan kemampuan dan kepintarannya apabila berjaya mencipta al-Quran Braille untuk kemudahan pelajar buta membaca kitab suci itu.

Bagaimanapun, hasratnya untuk meneruskan pengajian di universiti tempatan masih tidak kesampaian kerana beliau tidak mempunyai kelayakan minimum sekurang-kurangnya lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Sehubungan itu, beliau merayu pihak berkenaan supaya memberi pengecualian kepadanya melanjutkan pelajaran di universiti tempatan, dengan menggunakan kelulusan diploma yang dimilikinya itu.

Ketika ditemui di rumahnya di Taman Wira, Mergong, di sini, Nabil berkata beliau berhasrat melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Pengajian Bahasa Arab dan al-Quran.

"Jika tidak dapat memasuki UIAM, saya merayu diterima meneruskan pengajian di Institut Pengajian Islam Kedah (Insaniah)," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Berikutan kegagalan berbuat demikian, Nabil kini terpaksa belajar di tingkatan satu kelas pelajar normal di Sekolah Menengah Tunku Malik dalam aliran agama Islam.

Walaupun lewat tiga bulan memulakan pelajaran, beliau menunjukkan kemampuan luar biasa apabila mampu bersaing dengan rakan lain. Ia terbukti apabila beliau lulus cemerlang dalam ujian kelas.

Sementara itu, bapanya, Mahathir Yusoff, 57, berkata anaknya belajar selama dua tahun di Sudan sejak Ogos 1998 dan kembali ke Malaysia pada Disember 2000.

Berkat kesungguhannya, Nabil memperoleh keputusan tertinggi Diploma Bahasa Arab dan Tahfiz al-Quran serta muncul sebagai pelajar terbaik.

Keputusan yang dicapainya ialah 100 peratus bagi mata pelajaran al-Quran, Karangan serta Dengar dan Faham, Akhlak Islamiah (97 peratus), Ejaan (91 peratus), Bacaan (94 peratus), Soalan Latihan (94 peratus), Nahu (85 peratus), Syair Hadis dan Ayat al-Quran (98 peratus) dan Bahasa Arab (95 peratus).

Mahathir yang bersara daripada perkhidmatan kastam berkata, Nabil dilahirkan di Hospital Wiladah, Madinah pada 21 Ogos 1987 ketika ibunya, Abiaz Ibrahim, mengerjakan haji.

Ketika berusia empat tahun, Nabil sudah dihantar belajar Tahun Satu di Sekolah Rendah Kebangsaan Jabi (Cacat Penglihatan) hasil sokongan Hospital Alor Star dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berikutan kebolehan luar biasanya.

Dalam usia tujuh tahun, Nabil sudah menghafal keseluruhan muqaddam dan ketika berusia lapan tahun, beliau dihantar ke Maahad Tahfiz, Derga, di sini untuk mendalami bidang pembacaan al-Quran.

Ketika berusia 10 tahun, Nabil menghafal sembilan juzuk al-Quran sebelum dihantar melanjutkan pelajaran ke Sudan.

Ketika wakil Berita Harian berada di rumahnya, Nabil juga didapati berkebolehan mengendalikan komputer papan kekunci konvensional menggunakan program Microsoft Word yang mengeluarkan bunyi sebutan huruf.

(END)

